

**LANGKAU WALI: PUNCA, KESAN DAN PENYELESAIANNYA KEPADA  
PERKAHWINAN MENURUT FIQH DAN PERUNDANGAN DI NEGERI  
SEMBOLAN**

Lukman bin Abdul Mutualib<sup>1</sup>

Zulfaqar bin Mamat<sup>2</sup>

Wan Abd Fattah Wan Ismail<sup>3</sup>

Syahirah Abdul Shukor<sup>4</sup>

Hasnizam Hashim<sup>5</sup>

**Abstrak**

Perkahwinan adalah merupakan satu amanah. ia adalah institusi yang paling penting dalam membentuk keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Disamping memenuhi tuntutan tabii nafsu manusia, antara tujuan perkahwinan juga ialah untuk menghubungkan silaturahim. Oleh itu perkahwinan berada antara dua keadaan, melayani kehendak nafsu dan melaksanakan amanah. Justeru pentingnya kedudukan ini maka Allah SWT menurunkan hukum dan garis panduan yang lengkap agar manusia tidak tersasar dalam tindakan mereka. Antara rukun perkahwinan ialah wali, wali pada bahasa ialah pelindung atau penolong manakala pada istilah syarak ialah mereka yang memiliki kuasa untuk mengawinkan orang yang berada di bawah kuasa perwaliannya dengan syarat-syarat yang tertentu. Wali mempunyai turutan tertentu seperti yang dijelaskan oleh hukum syarak. Ia terbahagi kepada *wali aqrab*, *ab'ad* dan *wali hakim*. Pelanggaran terhadap hak wali memberi implikasi hukum terhadap kesahan perkahwinan. Kertas ini bertujuan melihat sejauh mana fenomena perkahwinan langkau wali wujud dalam masyarakat kita serta mengenal pasti punca, kesan dan jalan penyelesaiannya menurut fikah dan perundangan. Kajian ini menggunakan kaedah keperpustakaan. Data-data diperolehi melalui pembacaan terhadap buku-buku fikah, kemasyarakatan, artikel, jurnal dan kes-kes mahkamah. Data dianalisis secara deskriptif serta perbandingan. Dapatkan menunjukkan perkahwinan langkau wali ini walaupun nisbahnya kecil namun ia wujud kerana berbagai-bagai faktor, antaranya kahwin lari, keengganan wali aqrab dan sebagainya. Antara penyelesaian mahkamah dalam soal ini ialah faraq perkahwinan.

Kata kunci: Wali; langkau wali; *wali aqrab*; *wali ab'ad*; *wali hakim*; faraq perkahwinan.

---

<sup>1</sup> Dr. Lukman bin Abdul Mutualib. Profesor Madya di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM.

<sup>2</sup> Dr. Zulfaqar bin Mamat, Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM.

<sup>3</sup> Dr. Wan Abd. Fattah Wan Ismail. Profesor Madya di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM.

<sup>4</sup> Dr. Syahirah Abdul Syukor. Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM.

<sup>5</sup> Dr. Hasnizam bin Hashim. Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM.

## PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah suatu yang sangat penting dan mulia di dalam Islam. Ia merupakan asas kepada kewujudan sebuah keluarga, seterusnya masyarakat dan negara. Keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat yang soleh dan membentuk sebuah negara yang makmur. Begitulah sebaliknya. Dalam persoalan ini nabi s.a.w. bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفَطْرَةِ، فَأَبْلَوَاهُ يُهْوِدُونَهُ، أَوْ يُنَصِّرُونَهُ، كَمَثْلِ الْبَهِيمَةِ تُنْتَجُ الْبَهِيمَةُ هُنَّ تَرَى فِيهَا جُذُوعَاءَ.

Bermaksud: Daripada Abu Hurairah r.a. berkata bahawa nabi s.a.w. bersabda: “setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih, suci dari dosa dan berada di atas sunah dan agama Islam). Maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya sama ada Yahudi, atau Nasrani atau Majusi. Perumpamaan ini sama seperti binatang yang melahirkan anak, adakah kamu lihat padanya terpotong pada mana-mana anggota? (al-Bukhary, 1422H, v.2, p.100)

Hadis ini menjelaskan peranan keluarga yang sangat penting dalam membentuk masa depan anak-anak, masyarakat dan negara secara amnya. Hasil dari sentuhan, didikan, tunjuk ajar dan perlakuan mereka, akhirnya akan membentuk jiwa anak-anak ini dan seterusnya membina acuan masyarakat dan negara.

Justeru pentingnya institusi rumah tangga, maka Islam datang dengan memperincikan segala bentuk hukum hakam yang berkaitan dengan perkahwinan agar pelaksanaannya tidak semberono menuruti serakah hawa nafsu lantas menghilangkan matlamat perkahwinan yang disasarkan oleh agama.

## RUKUN DAN SYARAT PERKAHWINAN

Rukun perkahwinan ada lima iaitu suami, isteri, wali, saksi dan *sighah ijaz* dan *qabul*. Berkaitan dengan rukun, tidak ada perbezaan pandangan dalam kalangan ulama. Ulama bersepakat memenuhi rukun adalah wajib. Jika tidak memenuhi rukun maka perkahwinan di hukum batal. Namun, ulama berbeza pandangan tentang syarat-syarat perkahwinan. Oleh sebab syarat-syarat yang berbeza, maka sedikit sebanyak ia membawa hukum yang berbeza antara mazhab. Dalam persoalan ini Mazhab Hanafi (Zuhayli, 1997, v.9, p.6532-6533) telah memperincikan syarat-syarat kepada empat bentuk, iaitu:

1. *Syurut al-In'iqad*: ialah syarat yang perlu ada pada setiap rukun. Jika tidak memenuhi salah satu dari syaratnya maka perkahwinan itu disebut batil.
2. *Syurut al-Sihhah*: ialah syarat yang perlu ada supaya akad perkahwinan itu dapat memberi kesan pada hukum syarak. Jika tidak memenuhi syarat ini perkahwinan itu di sebut fasid. Istilah fasid menurut jumhur ulama adalah sama dengan maksud batil. Namun bagi mazhab Hanafi, mereka lebih memperincikannya. Perkahwinan batil ialah perkahwinan yang tidak wujud sama sekali dan tidak memberi apa-apa kesan syarak, Sebaliknya perkahwinan yang fasid ia memiliki sebahagian ciri-ciri akad yang sah seperti sabit nasab anak kepada ayah dalam pernikahan syubhah, wajib

mufarqah dan wajib beridah kepada wanita tersebut. Dalam erti kata lain perkahwinan fasid ialah perkahwinan yang rosak, maka masih ada ruang untuk dibaiki dengan cara-cara tertentu.

3. *Syurut al-Nafaz*: iaitu syarat-syarat yang perlu ada supaya aqad perkahwinan itu mempunyai kesan ke atas tindakan. Jika tidak memenuhi syarat ini, akad tersebut dianggap sebagai mauquf (terhenti oleh sesuatu namun boleh disambung semula apabila syarat itu disempurnakan).
4. *Syurut al-Luzum*: ialah syarat-syarat yang perlu ada supaya akad perkahwinan itu boleh kekal dab berterusan. Jika tidak memenuhi syarat ini maka setiap pasangan boleh menuntut fasakh perkahwinan.

Berbeza dengan jumhur ulama, mereka tidak membincangkan syarat-syarat perkahwinan dalam bentuk pembahagian seperti di atas. Jumhur mengklasifikasikan syarat hanya kepada *syurut al-Sihhah* sahaja. Dalam erti kata lain, jika memenuhi syarat, maka perkahwinan itu sah sebaliknya jika tidak memenuhi syarat, maka perkahwinan itu batal.

Dalam konteks perwalian, ulama mazhab Hanafi dan sebahagian Maliki mengklasifikasikan ‘keizinan wali’ sebagai salah satu dari *syurut al-Nafaz*. Justeru perkahwinan tanpa izin wali menurut mazhab Hanafi dan sebahagian Maliki adalah dihukum *mawquf*. Kedudukan perkahwinan itu terhenti dan tergantung begitu sahaja kepada keizinan wali. Jika berlaku persetubuhan dalam tempoh itu ia dikira sebagai perkahwinan fasid. Namun begitu, bagi Jumhur Ulama yang terdiri daripada mazhab Syafi’ie, Hanbali dan sebahagian Maliki yang tidak menggunakan klasifikasi di atas berpendapat, perkahwinan tanpa izin wali adalah tidak sah dalam erti kata lain perkahwinan itu adalah batil (al-Zuhayli, 1977, v.9, p.6602-6605). Perinciannya akan dikupas selepas ini.

## WALI PERKAHWINAN

Wali menurut Kamus Dewan (2015) di fahami sebagai orang yang boleh menikahkan pengantin perempuan. Ia selalunya dikaitkan dengan kuasa bapa atau datuk untuk menikahkan anak atau cucu mereka. Perkataan wali itu sendiri berasal dari perkataan bahasa Arab وَلِيٰ يَوْلِي yang bermaksud penguasa atau pemimpin. Sementara itu perkataan *wala'* (الولاء) bermaksud kepimpinan, sementara wilayah (الولاية) bermaksud penguasa dan pembantu (Ibn Manzur, 1992, v.15, p.407). Jelasnya dari pengertian bahasa, wali ialah orang yang menguasai dan menentukan arah kehidupan tuju orang yang di walikannya.

Dari sudut istilah fuqaha, wali ialah suatu keupayaan dari sudut hukum syarak yang ditentukan oleh agama untuk melakukan akad atau transaksi ke atas diri dan harta orang yang di bawah tanggungjawabnya (al-Zuhayli, 1977, v.9, p.6690-6691). Justeru, punca kuasa seorang wali ini datangnya dari hukum syarak. Ia bukan ketentuan adat atau pilihan secara sukarela. oleh sebab wujudnya punca kuasa oleh syarak, maka hilangnya juga berdasarkan kepada ketentuan hukum syarak.

## KEPENTINGAN WALI

Keperluan kepada wali dalam melangsungkan sesuatu perkahwinan hampir disepakati oleh semua ulama. Semua mazhab besar dalam Islam mewajibkan perlunya

ada wali dan keizinannya sebelum seseorang wanita boleh berkahwin. Kecuali mazhab Hanafi yang berbeza pendapat mengenai perincian hukum ini. Bagi mazhab Hanafi (Zuhayli, 1997, v.9, p.6693), seorang perempuan dewasa yang masih dara boleh mengahwinkan diri mereka sendiri tanpa perlu kepada keizinan wali. Ini bukan bererti wanita itu tidak perlu kepada wali, tetapi wali tidak berhak memaksa perkahwinan tersebut, bahkan wanita itu lebih berhak dalam menentukan jodoh dirinya sendiri berbanding walinya.

Keperluan kepada wali asasnya adalah kerana Islam mengangkat kedudukan wanita dan rumah tangga. Dalam satu hadis baginda bersabda:

فَانْتَهُوا اللَّهُ فِي النِّسَاءِ، إِنَّكُمْ أَخْتَنُوهُنَّ بِأَمَانِ اللَّهِ

Bermaksud: ...bertaqwalah kamu kepada Allah SWT dalam urusan wanita, sesungguhnya kamu telah mengambil mereka (dari kedua-dua ibu bapa mereka) dengan amanah Allah SWT.... (Muslim, tt. V.2, p.886)

Dengan adanya sistem perwalian, Islam menjadikan urusan perkahwinan sesuatu yang serius dan bersungguh-sungguh sehingga wanita tidak dibenarkan untuk menangani kes ini secara bersendirian. Umum beranggapan wanita adalah kaum yang lemah dan lebih mudah dieksplorasi. Sama ada anggapan ini benar atau tidak ia satu persoalan yang subjektif. Apa pun, dengan adanya wali, kedudukan wanita lebih terjamin dan di hormati. Ia menggambarkan bahawa pemilikan wanita ini satu amanah yang besar. Sistem perwalian adalah sebahagian dari proses penyerahan amanah ini. Kepentingan wali ini juga disebut dalam firman Allah SWT:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ قَبْلَغْنَ أَجْهَنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحَنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُمْ بِالْمُعْرُوفِ

Bermaksud: Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa idah mereka maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh Syarak).

(al-Baqarah:232)

Ayat ini juga adalah bukti paling jelas tentang kepentingan wali dalam sesuatu perkahwinan. Jika wali tidak penting sudah tentu mereka tidak ditegah menghalang perkahwinan tersebut. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ‘tegahan wali’ memberi kesan kepada penerusan perkahwinan itu.

Sementara itu, dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا نَكَحْ أَلَا بَوْلِيٍّ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ، وَمَا كَانَ مِنْ نَكَحْ عَلَى عَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بَاطِلٌ، فَإِنْ شَاهَجُرُوا، فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مِنْ لَا وَلِيَ لَهُ"

Bermaksud: Daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: tidak sah nikah melainkan dengan izin wali dan dua orang saksi yang adil. Mana-mana perkahwinan berlaku tanpa kedua-duanya (wali dan dua orang saksi) maka perkahwinan itu batal. Jika mereka bertelagah tentang wali maka sultan adalah wali bagi mereka yang tiada wali. (Ibn Hibban, 1988, v.9, p.386)

Jelasnya, wali adalah salah satu daripada rukun perkahwinan. Tanpa wali, sesuatu perkahwinan itu tidak sah dan terbatal. Hukum ini lebih jelas melalui hadis nabi berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: أَيْمَأْ امْرَأٌ نُكْحَثُ بِغَيْرِ إِنْ وَلِيٍّ هَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، ثَلَاثًا، فَإِنْ أَصَابَهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَلَ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اشْتَجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ.

Bermaksud: Daripada Aisyah r.a. bahawa nabi s.a.w. bersabda, manapun perempuan yang dikahwinkan tanpa izin walinya maka nikahnya adalah batil iaitu tidak sah (diulang sebanyak 3 kali). Jika ia telah disetubuh, maka bagi perempuan itu berhak mendapat mahar mithli kerana menuntut halal dari persetubuhan yang lalu. Dan jika mereka bertelagah tentang wali maka sultan adalah wali bagi mereka yang tidak mempunyai wali (al-Syafi'ie, 1400H, v.1, p.275)

## JENIS PERWALIAN

Perwalian menurut hukum khususnya dalam mazhab Syafi'ie terbahagi kepada dua bahagian, iaitu wali Ijbar dan wali ikhtiar. wali Ijbar ialah hak wali untuk mengahwinkan seseorang yang di bawah tanggungannya secara bersendirian tanpa perlu persetujuan pihak wanita yang terlibat. Hak ini diberikan kepada ayah dan datuk khususnya dalam mengahwinkan anak atau cucu mereka yang masih dara. Hukum ini berdasarkan kepada hadis nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ummul Mukminin Aisyah r.a.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: تَرَوْجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا بِنْتُ سَبْعَ وَبَنِي بِي وَأَنَا بِنْتُ تِسْعَ، وَكُنْتُ الْعَبْدُ بِالْبَنِيَّاتِ، وَكُنْ جَوَارِيٌّ يَأْتِيَنِي فَإِذَا رَأَيْنَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَقَعَّنْ مِنْهُ، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسِيرُ بِهِنَّ إِلَيَّ

Bermaksud: Daripada Aisyah r.a. berkata: "Rasulullah SAW mengahwiniku ketika aku berumur 7 tahun dan baginda duduk bersamaku sebagai suami isteri ketika aku berumur 9 tahun. Pada suatu ketika, aku bermain dengan kanak-kanak perempuan lain yang datang kepadaku. Apabila mereka melihat Rasulullah SAW mereka lari dari baginda s.a.w. (kerana malu), lantas baginda SAW menghantar mereka semula kepadaku. (al-Syafi'ie, 1400H, v.1, p.172).

Jelasnya, dalam usia Aisyah r.a. semuda ini dan digambarkan dengan sifat kanak-kanak yang masih suka bermain, tentunya keizinan dan persetujuan dari Aisyah r.a. untuk berkahwin tidak bermakna. Justeru, ini membuktikan bahawa Abu Bakr mengahwinkan Aisyah r.a. dengan baginda s.a.w. tanpa perlu kepada persetujuannya (Muti'ie, t.t., v.17, p.264). Inilah yang dikatakan *wilayatul Ijbar*. Dalam erti kata lain, anak tersebut tidak berhak menolak perkahwinan yang di lakukan oleh ayah atau datuknya kerana mereka memiliki *wilayatul Ijbar*.

Walaupun begitu, kuasa *wilayatul Ijbar* ini tidaklah boleh digunakan semahunnya. Bagi menjaga kepentingan wanita, maka kuasa ini tidak boleh digunakan dalam tiga keadaan, iaitu:

- i. Terdapat permusuhan yang nyata antara wali dan perempuan yang diwalikannya.

- ii. Bakal suami yang di pilih oleh wali tidak sekufu'.
- iii. Bakal suami tidak berupaya untuk menyerahkan mas kahwin dengan segera.

Selain dari tiga keadaan di atas, seorang perempuan yang masih dara, jika dikahwinkan oleh ayah atau datuknya maka perkahwinan itu sah menurut hukum syarak.

Sementara *Wilayatul ikhtiar* pula yang mana juga di sebut sebagai *wilayatus syarikah* atau *wilayatun Nadab wal-Istihbab* dalam mazhab Hanafi (Zaydan, 1994, v.6, p.345) ialah hak untuk mengahwinkan seseorang setelah mendapat keizinannya. Ini bermaksud seorang wali tidak boleh mengahwinkan mana-mana wanita di bawah tanggungannya melainkan dengan izinnya terlebih dahulu. Ia juga tidak bermaksud perempuan boleh mengahwinkan dirinya sendiri tanpa kehadiran wali. Inilah yang dimaksudkan *wilayatus Syarikah* dimana hak perkahwinan ini dipunyai secara bersama antara wali dan wanita itu. Wanita itu tidak boleh kahwin tanpa wali dan dalam masa yang sama wali tidak boleh memaksa wanita untuk berkahwin. Hak perwalian dari jenis ini sabit kepada seluruh ahli wali mengikut turutan selain ayah dan datuk.

## TURUTAN WALI

Turutan wali adalah di tentukan oleh hukum syarak. Perkara ini tidak dinafikan. Namun sebahagian ulama berbeza pandangan tentang turutan wali tersebut. Perbezaan ini tidak akan dibincangkan dalam kertas ini kerana asas hukum dan perbincangan adalah berdasarkan mazhab Syafi'ie.

Prinsip asas ialah wali hampir adalah lebih berhak untuk mengahwinkan seorang wanita di bawah perwaliannya berbanding wali jauh. Justeru, akan timbul persoalan hukum jika wali jauh mengahwinkan sesuatu pasangan tanpa keizinan wali hampir. Turutan wali menurut mazhab Syafi'ie (Mustafa al-Khind et.al, 2000, v.2, p.59) adalah seperti berikut:

1. Bapa.
2. Datuk iaitu bapa kepada bapa.
3. Saudara lelaki seibu sebapa (saudara kandung)
4. Saudara lelaki sebapa (saudara tiri)
5. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa (anak saudara)
6. Anak lelaki saudara lelaki sebapa (anak saudara)
7. Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (bapa saudara)
8. Bapa saudara sebelah bapa sebapa (bapa saudara)
9. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu)
10. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu)
11. Semua lelaki yang mewarisi harta secara asabah
12. Qadhi.

Kesemua nama-nama wali ini adalah mengikut turutan. Jika ayah tidak ada, kuasa wali akan berpindah kepada datuk sebelah bapa, jika tiada, hak wali akan berpindah kepada saudara kandung lelaki yang paling tua. Begitulah seterusnya. Saudara kandung lelaki tidak boleh mengahwinkan saudara kandung perempuan

dalam keadaan ayah masih ada. Jika ini berlaku, inilah yang disebut sebagai langkau wali.

Bagi mereka yang tidak ada wali, seperti seorang yang hidup sebatang kara atau seorang yang baru berhijrah ke satu kawasan baru, maka walinya adalah sultan atau qadhi yang berkuasa bagi daerah tersebut. Ini berdasarkan kepada hadis nabi s.a.w. :

فَالسُّلْطَانُ وَلِيٌّ مِنْ لَا وَلِيٌّ لَهُ

Bermaksud: maka sultan adalah wali bagi mereka yang tidak mempunyai wali (al-Syafi'ie, 1400H, v.1, p.172).

Perwalian ini di sebut sebagai wali hakim. Menggunakan wali hakim mempunyai kaedah dan cara tertentu. Ia sangat perlu di teliti kerana ia melibatkan sah atau tidaknya sesuatu perkahwinan. Isu yang paling besar disini ialah, soal kesahan pentaulianan wali tersebut. Seorang yang merujuk kepada wali hakim terlebih dahulu perlulah memastikan bahawa wali itu mendapat pentaulianan yang sah dari sudut hukum syarak.

## LANGKAU WALI

Melangkau menurut Kamus Dewan ialah melakukan sesuatu dengan tidak mengikut urutannya. Melangkau wali pula ialah meninggalkan wali yang dekat dan mengambil wali yang jauh tanpa sebab yang diharuskan. Perbuatan melangkau wali adalah salah. Bahkan ia boleh menyebabkan sesuatu perkahwinan menjadi tidak sah. Perbuatan melangkau wali berbeza dengan maksud beralih wali, beralih wali ialah suatu yang dibenarkan oleh hukum syarak.

Antara sebab membolehkan beralih dari wali dekat kepada wali jauh dalam mazhab Syafi'ie ialah kerana wali dekat hilang kelayakan. Maksud hilang kelayakan ialah ia tidak memenuhi syarat-syarat untuk menjadi wali seperti Islam, adil, baligh, berakal, tiada penyakit yang mencacatkan pemikiran, tidak terhalang daripada menguruskan hartanya dan tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah (Mustafa al-Khind e tal, 2000, v.2, p.113-117). Apabila seseorang itu tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan maka ia hilang kelayakan, dan wali yang terdekat setelah itu akan mengambil tempatnya menjadi wali.

Namun, bagi mazhab Hanafi ia menambah dua lagi sebab yang membolehkan beralih daripada wali dekat kepada wali jauh iaitu pertama apabila wali dekat enggan menjadi wali sedangkan perkahwinan tersebut sekufu dan kedua apabila wali dekat ghaib atau hilang dan tidak dapat di kesan. Bagi mazhab syafi'e, kedua-dua sebab di atas tidak memindahkan hak wali dekat kepada wali jauh sebaliknya memindahkan hak perwalian kepada wali hakim.

Antara sebab-sebab beralih dari wali dekat kepada wali hakim menurut mazhab syafi'ie ada banyak sebab, antaranya ialah sebab:

1. Tidak ada wali nasab.
2. Wali-wali nasab yang ada tidak memenuhi syarat wali.
3. Wali dekat ghaib atau tidak diketahui kedudukannya. Dalam keadaan ini ia tidak beralih kepada wali jauh sebaliknya terus kepada wali hakim.
4. Wali dekat berada di tempat yang jaraknya lebih daripada 96KM.

5. Wali dekat masuk penjara dan tidak boleh berhubung.
6. Wali dekat berada dalam ihram haji atau umrah.
7. Wali dekat menyembunyikan diri mengelak dari menikahkannya.
8. Wali dekat enggan menikahkan pasangan itu.
9. Wali dekat hendak berkahwin dengan perempuan itu dan tidak ada wali lain yang sedarjat dengannya.

Menurut mazhab Syafi'ie, keadaan-keadaan di atas tidak boleh menyebabkan beralih dari wali dekat kepada wali jauh kerana wali dekat tidak hilang kelayakan. Dalam erti kata lain hak perwalian masih ada pada dirinya, namun ia tidak dapat melaksanakan tugas perwalian atas sebab-sebab tertentu. Justeru, dalam keadaan sebegini, wali hakim akan menggantikan peranannya sebagai wali.

Justeru, kertas ini turut membincang kedua-dua keadaan ini. iaitu langkau wali dan alih wali. Ini kerana kedua-dua perbuatan tersebut kerap berlaku dan kerap berlaku silap faham antara langkau dan alih.

## KESAN LANGKAU WALI MENURUT HUKUM FIKAH

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini melangkau wali memberi kesan dari sudut hukum fikah. Namun ulama berbeza pandangan dalam persoalan ini. Ada di antara mereka sangat *rigid* dalam menetapkan hukum manakala sebahagian yang lain lebih *lenient*. Dalam ruang yang ringkas ini saya akan membincangkan pandangan ulama dari empat mazhab utama.

Menurut mazhab syafi'ie, melangkau wali hukumnya adalah haram. Sementara kesannya kepada perkahwinan langkau wali ialah perkahwinan itu tidak sah dan terbatal. Persoalan ini dapat dilihat melalui penjelasan Sheikh Muhammad Najib Muti'ie dalam kitabnya yang masyhur al-Majmu' Syarh al-Muhazzab:

النكاح الموقوف على الاجازة لا يصح عندها سواء كان موقوفا على إجازة الولي أو الزوج أو الزوجة، فالموقوف على إجازة الولي أن يتزوج الرجل امرأة من رجل ليس بولي لها ويكون موقوفا على إجازة وليهما، أو تزوج الامة نفسها أو العبد نفسه بغير إذن السيد، ويكون موقوفا على إذن السيد. وأما الموقوف على إجازة الزوج بأن يتزوج الرجل امرأة بغير إذنه، ويكون ذلك موقوفا على إجازته. وأما الموقوف على إذن الزوجة بأن يتزوج الولي امرأة يشترط اذنها في النكاح بغير اذنها ويكون موقوفا على اجازتها: فجميع هذه الأحكمة لا تصح عندها.

Bermaksud: Perkahwinan yang ‘terhenti kepada keizinan’ adalah tidak sah di sisi kami (mazhab Syafi'ie), sama ada ia terhenti (sahnya) kerana menunggu keizinan wali atau keizinan suami atau keizinan isteri. Perkahwinan yang terhenti kerana menunggu keizinan wali adalah seperti seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan dengan diwalikan oleh seorang wali yang bukan wali sebenarnya. Dalam keadaan ini, sah perkahwinan tersebut terhenti (tergantung) dengan keizinan walinya yang sebenar itu. Demikian juga jika seorang hamba perempuan ataupun lelaki berkahwin tanpa izin tuannya, dalam keadaan ini sah perkahwinan itu terhenti (tergantung) kepada keizinan tuannya. Adapun perkahwinan yang terhenti kerana menunggu keizinan suami ialah apabila seseorang mengahwinkan seorang lelaki tanpa keizinannya, oleh itu sah perkahwinan lelaki tersebut tergantung kepada keizinannya. Sementara perkahwinan yang terhenti kerana menunggu keizinan isteri pula ialah apabila seorang wali mengahwin perempuan tanpa keizinannya sedangkan syarat

perkahwinan itu telah di tetapkan perlu kepada keizinannya. Maka, semua bentuk perkahwinan di atas tidak sah di sisi kami (mazhab syafi'ie) (Muthi'ie, t.t, v.17, p. 249).

Pandangan ini juga di sokong oleh imam Ahmad Ibn Hanbal dengan berkata:

وَلَا يَصِحُّ تَزْوِيجٌ أَبْعَدُ مَعَ وُجُودٍ أَقْرَبُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ صَبِيبًا أَوْ زَانِيَ الْعُقْلَ أَوْ مُخَالِفًا لِدِينِهَا أَوْ عَاصِلاً لِهَا أَوْ غَائِبًا غَيْبَةً بَعِيدَةً وَلَا لَوْلَيْةً لَأَحَدٍ مُخَالِفًا لِدِينِهِ إِلَّا مُسْلِمٌ إِذَا كَانَ سُلْطَانًا أَوْ سِيدَ أُمَّةً.

Bermaksud: tidak sah mengahwin seorang perempuan oleh wali jauh sedangkan wali dekat ada, kecuali wali dekat itu seorang kanak-kanak atau hilang akal atau dia berbeza agama dengan perempuan itu atau dia enggan mengahwinkannya atau dia hilang dan tiada dalam jangka masa yang lama. Tidak ada hak perwalian ke atas perempuan yang berbeza agama dengan walinya kecuali sultan atau tuan kepada hamba (al-Maqdisy, t.t., p.363)

Jelasnya, pandangan mazhab Syafi'ie dan mazhab Hanbali adalah konsisten dalam mana-mana penulisan ulama fikah bahawa perkahwinan langkau wali adalah tidak sah dan terbatal. Suatu yang terbatal seperti tidak wujud sama sekali. Tiada hubungan antara suami dan isteri, namun jika wujud persetubuhan, anak masih boleh disabitkan kepada ayah kerana ia dalam kategori nikah syubhah.

Bagi mazhab Maliki pula, imam Ibn Rushd dalam kitab *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* menjelaskan:

فَإِمَّا الْمَسْأَلَةُ الْأُولَى فَاحْتَاجَتْ فِيهَا قَوْلُ مَالِكٍ، فَمَرَّةٌ قَالَ: إِنَّ رَوْجَ الْأَبْعَدَ مَعَ حُضُورِ الْأَقْرَبِ فَالْتَّكَاجُ مَفْسُوحٌ، وَمَرَّةٌ قَالَ: النِّكَاحُ جَائزٌ، وَمَرَّةٌ قَالَ: لِلْأَقْرَبِ أَنْ يُجِيزَ أَوْ يَفْسِخَ. وَهَذَا الْخِلَافُ كُلُّهُ عِنْدَهُ فِيمَا عَدَا الْأَبِ فِي ابْنَتِهِ الْبَكْرُ، وَالْأُوصِيَّ فِي مَحْجُورَتِهِ. فَإِنَّهُ لَا يَخْتَلِفُ قُوْلُهُ أَنَّ النِّكَاحَ فِي هَذِينِ مَفْسُوحٌ.

Bermaksud: Adapun masalah pertama, berkaitan isu sekiranya wali jauh mengahwinkan seorang perempuan sedangkan wali dekat ada bersama, maka Imam Malik mempunyai beberapa pandangan yang berbeza. Pertama nikah itu telah terfasakh, kedua pernikahan itu harus dan ketiga, wali dekat boleh memilih sama ada mahu mengizinkan atau memfasakhkan perkahwinan itu. Namun, perbezaan pendapat imam Malik ini hanya kepada perkara-perkara selain seorang ayah mengahwinkan anak daranya atau seorang wasi mengahwinkan orang yang di bawah jagaannya. Dalam dua keadaan ini, imam Malik tidak ikhtilaf pendapat bahawa perkahwinan (langkau wali) dalam kedua-dua permasalahan ini terfasakh dan batal (Ibn Rushd, 1989, v.2, p.23).

Walaupun begitu, terdapat juga nukilan ulama-ulama silam berkaitan pandangan imam Malik ini dalam penulisan-penulisan lain memberi pandangan yang sedikit berbeza. Sebagai contoh sheikh Muhammad Najib al-Muti'ie dalam bukunya Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazaab menjelaskan bahawa:

وقال مالك: يجوز أن يقف النكاح مدة قريبة، فإن تطاول الزمان بطل.

Dan bagi imam Malik: perkahwinan (langkau wali) itu sah terhenti (sehingga mendapat persetujuan wali dekat) jika waktu menunggu itu singkat. Namun jika waktu itu panjang maka perkahwinan itu batal (Muthi'ie et. al, t.t, v.17, p.250).

Jelasnya, mazhab Maliki membahagikan isu ini kepada dua bahagian. Pertama hak *wilayat al-Ijbar* dan kedua hak *wilayat al-Ikhtiar*. Bagi hak *wilayat al-Ijbar* seperti hak ayah dan dimasukkan juga hak tuan ke atas hambanya, dalam masalah ini hanya ada satu pendapat iaitu perkahwinan melangkau wali menyebabkan perkahwinan terbatal. Sementara melibatkan hak *wilayat al-ikhtiar* seperti seorang perempuan yang sepatutnya dikahwinkan oleh abang kandungnya tetapi telah dikahwinkan oleh pakkiknya maka ada pandangan bahawa hukum perkahwinan itu terhenti sehingga mendapat keizinan dan persetujuan wali dekat.

Berbeza dengan pandangan imam Abu Hanifah dan imam Abu Yusuf. mereka berpendapat bahawa seorang perempuan merdeka yang telah baligh boleh mengahwinkan dirinya sendiri atau anak kecilnya serta boleh mewakilkan atau mewakili akad nikah jika ia dikahwinkan dengan pasangan yang sekufu'. Tetapi jika perkahwinan itu tidak sekufu' maka perkahwinan itu tergantung keizinan wali.

وينعقد نكاح الحرة العاقلة البالغة برضاهما وإن لم يعقد عليهما ولی بکرا كانت أو ثبیا عند أبي حنیفة وأبی یوسف رحمة الله في ظاهر الروایة. وعن أبي یوسف رحمة الله انه لا ينعقد إلا بولی و عند محمد ينعقد وقوفا.

Bermaksud: mengikut zahir riwayat Abu Hanifah dan Abu Yusuf, sah akad nikah seorang perempuan yang berakal dan baligh dan ia reda, sekalipun tidak diakadkan oleh walinya tidak kira sama ada perempuan itu masih dara atau janda. Sementara itu dalam satu riwayat lain Abu Yusuf berpendapat tidak sah akad tersebut melainkan dengan adanya wali. Sementara imam Muhammad pula meriwayatkan bahawa akad tersebut adalah sah dan terhenti kepada keizinan wali (mawquf) (Ibn Humam, t.t, v.3, p.246).

وَعَلَى هَذَا يُبَيِّنُ الْحُرَّةُ الْبَالِغَةُ الْعَاقِلَةُ إِذَا زَوَّجَتْ نَفْسَهَا مِنْ رَجُلٍ أَوْ وَكَلَّتْ رَجُلًا بِالْتَّرْوِيجِ فَتَرَوَّجَهَا أَوْ زَوَّجَهَا فُضُولِيًّا فَأَجَارَتْ جَارَ فِي قَوْلِ أَبِي حَنِيفَةَ وَزُرْقَنْ وَأَبِي یُوسُفَ الْأَوَّلِ سَوَاءً زَوَّجَتْ نَفْسَهَا مِنْ كُفُّءٍ أَوْ غَيْرِ كُفُّءٍ بِمَهْرٍ وَافِرٍ أَوْ قَاسِرٍ غَيْرِ أَنَّهَا إِذَا زَوَّجَتْ نَفْسَهَا مِنْ غَيْرِ كُفُّءٍ فَلِلْأُولَائِينَ حَقُّ الْإِعْتَرَاضِ.

Bermaksud: dan di atas prinsip ini (*wilayat al-Nadab wa al-Istihbab*) seorang perempuan yang baligh dan berakal apabila mengahwinkan dirinya dengan seorang lelaki atau mewakilkan seorang lelaki untuk mengahwinkannya lalu lelaki itu mengahwinkannya atau ia dikahwinkan oleh seorang yang bukan wali (fudhuly) dengan persetujuannya, maka hukum perkahwinan itu adalah sah dan harus mengikuti pendapat Abu Hanifah, Zufr dan Abu Yusuf (menurut satu riwayat), tidak kira sama ada perkahwinan itu sekufu' atau tidak, tidak kira sama ada mas kahwin berlebihan banyak atau kurang. Namun dalam keadaan perkahwinan itu

tidak sekufu' para wali wanita itu boleh membangkang perkahwinan tersebut (al-Kasany, 1998, v.2, p.513)

Jelasnya, *wilayat al-Ijbar* dalam mazhab Hanafi hanya berlaku ke atas kanak-kanak perempuan yang belum baligh. Dalam keadaan ini, perkahwinan tersebut tidak sah melainkan dengan izin wali. Sementara itu, jika perempuan itu telah baligh ia dinamakan sebagai *wilayat al-Nadab*. Dalam keadaan ini keizinan wali untuk berkahwin hanyalah sunat atau mustahab. Perempuan boleh mengahwinkan dirinya tanpa izin wali kecuali dalam keadaan perkahwinan tidak sekufu'.

Manakala dalam persoalan langkau wali pula imam al-Kasany menyebut dalam kitab *Bada'ik al-Sana'ik*:

وَإِنَّمَا أَعْتَرَ الْأَقْرَبَ فَالْأَقْرَبُ فِي الْوَلَايَةِ؛ لِأَنَّ هَذِهِ وَلَايَةُ نَظَرٍ، وَتَصْرُفُ الْأَقْرَبِ أَنْظَرٌ فِي حَقِّ الْمُؤْلَى عَلَيْهِ؛ لِأَنَّهُ أَنْسَقُ فَكَانَ هُوَ أَوْلَى مِنَ الْأَبْعَدِ؛ وَلِأَنَّ الْقِرَابَةَ إِنْ كَانَتْ اسْتِحْقَاقُهَا بِالْعَصِيبِ كَمَا قَالَ فِي الْأَبْعَدِ لَا يَكُونُ عَصِيبَةً مَعَ الْأَقْرَبِ فَلَا يَلِي مَعَهُ وَلَئِنْ كَانَ اسْتِحْقَاقُهَا بِالْلُّورَاثَةِ كَمَا قَالَ أَبُو حَنِيفَةَ فَالْأَبْعَدُ لَا يَرِثُ مَعَ الْأَقْرَبِ فَلَا يَكُونُ وَلِيًّا مَعَهُ.

Bermaksud: Sesungguhnya wali yang lebih dekat diraikan terlebih dahulu. Ini kerana tugas dan peranan perwalian ialah untuk melihat dengan penuh mendalam kemaslahatan ahli walinya. Wali yang dekat lebih peka terhadap kebajikan ahli walinya berbanding dengan wali yang jauh lantaran kasih sayangnya lebih mendalam. Justeru, wali dekat lebih diutamakan (awla) dari wali jauh. Demikian juga, jika wali itu dilihat dari konteks persaudaraan asabah, maka wali jauh tidak menjadi asabah apabila adanya wali yang lebih dekat. Dan jika wali itu dilihat dari konteks pewarisan harta sebagaimana pandangan imam Abu Hanifah, maka wali jauh tidak mewarisi harta jika ada bersamanya wali yang dekat. Oleh itu, wali yang jauh tidak boleh menjadi wali jika ada yang dekat (al-Kasany, 1998, v.2, p.518).

Perkataan ‘diutamakan’ (awla) dalam ayat al-Kasany tidak menunjukkan hukum perkahwinan langkau wali terbatal sebaliknya ia tetap sah dengan keizinan wali dekat. Justeru, apabila seorang wali jauh mengahwinkan seorang perempuan, maka sekiranya wali dekat iaitu orang yang sebenar-benarnya berhak mengahwinkannya mengizinkan dan meredai perkahwinan tersebut maka perkahwinan itu sah, sebaliknya jika ia tidak mengiktiraf perkahwinan itu, maka perkahwinan itu terbatal (Muthi'ie, t.t, v.17, p.250).

Menurut Ibn Rushd, (1989, v.2, p.23) punca berlakunya perbezaan pandangan ini ialah bertitik tolak dari persoalan tertib wali dalam perkahwinan. Adakah tertib ini di tentukan secara tawqifi oleh hukum syarak atau ijтиhad ulama. Sekiranya ia hukum syarak secara tawqifi yang di tentukan oleh Allah SWT, timbul pula persoalan adakah hak perwalian ini hak Allah SWT atau hak wali? Siapa yang berpandangan ia bukan hukum syarak yang ditentukan secara tawqifi maka, seorang wali jauh harus hukumnya menikahkan ahli walinya walaupun ada wali dekat. Bagi mereka yang berpandangan perwalian ini adalah ketentuan syarak secara tawqifi dia merupakan hak wali maka perkahwinan langkau wali tergantung kesahannya kepada keizinan wali dekat. Sebaliknya, bagi mereka yang berpendapat ia adalah hukum syarak secara tawqifi dan merupakan hak Allah SWT maka perkahwinan langkau wali adalah tidak sah dan terbatal.

Sebagai kesimpulan, persoalan perkahwinan langkau wali masih terbuka untuk perbincangan. Memang benar, pandangan jumhur ulama perlu diutamakan apabila wujud perbezaan pendapat, namun pelaksanaannya tidak semestinya begitu. Banyak faktor-faktor lain yang perlu di nilai selain kekuatan dalil. Faktor maslahat tidak kurang penting untuk menjadi pertimbangan hukum khususnya pada zaman kemungkaran, kezaliman dan kejahilan umat sangat berleluasa.

## LANGKAU WALI DARI SUDUT PERUNDANGAN DI NEGERI SEMBILAN

Perkataan “wali” ada ditafsirkan dan dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta Keluarga Islam Negeri Sembilan 2004 iaitu “wali mujbir” merujuk kepada bapa atau datuk sebelah bapa dan ke atas; manakala, “wali hakim” pula membawa maksud wali yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dalam hal Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, atau oleh Raja, dalam hal mana-mana Negeri lain, untuk mengawinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

Bagi memastikan kesahihan sesuatu perkahwinan, kedudukan wali dinyatakan dalam Seksyen 7 (1) dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan 2004.

Sesuatu perkahwinan di Negeri Sembilan hendaklah mengikut peruntukan Enakmen ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh—

- (a) wali di hadapan Ketua Pendaftar atau Pendaftar;
- (b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Ketua Pendaftar atau Pendaftar; atau
- (c) Ketua Pendaftar atau Pendaftar sebagai wakil wali.

Seksyen 7 (2) pula menyatakan, Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang tidak mempunyai wali daripada nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.

Langkau wali sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini berlaku dalam dua bentuk. Pertama, langkau dari wali dekat kepada wali jauh dan kedua, langkau dari wali nasab kepada wali raja. Hakikatnya, langkau wali dalam konteks yang pertama adalah kes sebenar yang ingin di kaji dalam kertas ini. Namun pengkaji mendapati tidak ada kes yang dicatatkan khususnya di Negeri Sembilan. Meskipun tidak terdapat kes yang dilaporkan, isu langkau wali tidak boleh dipandang remeh, ini kerana implikasinya akan mengakibatkan tidak sah taraf perkahwinan.

Dalam konteks langkau wali daripada wali nasab kepada wali raja ada beberapa kes yang dilaporkan. Dalam kes *Hashim b. Mat Isa lwn Fatimah binti Ahmad* ([1977] JH Jld.3 bhg 1), Pihak pemohon dalam kes ini Hashim b. Mat Isa dan pasangannya Fatimah binti Ahmad memohon pengesahan perkahwinan mereka yang dijalankan di Thailand, setelah membuat perkiraan jarak tempat tinggal pemohon dan tempat pernikahan berlaku, di dapati jarak tersebut tidak melebihi 2 marhalah. Maka Kadi Besar Kedang memutuskan bahawa perkahwinan itu tidak sah manakala perempuan tersebut perlu beriddah lantaran telah berlaku percampuran air mani.

Dalam kes *Husin lwn Saayah dan Mat Hashim* ([1980] JH Jld 7. Bhg. 1), mahkamah Kadi Kangar memutuskan bahawa perkahwinan ini tidak sah kerana tidak

ada bukti menunjukkan keizinan wali telah diperoleh terlebih dahulu. Kes ini di mohon oleh bapa kandung kepada Saayah bt. Husin. Menurut fakta kes, pasangan Saayah dan Mat Hashim telah melarikan diri dan berkahwin di Thailand sedangkan Saayah adalah masih anak dara.

Di dalam kes *Re Mohd Fairus Othman & Anor* [2010] 1 CLJ (Sya), Mahkamah Tinggi Syariah Seremban mendengar permohonan deklarasi kesahihan status anak hasil daripada pemohon pertama dan pemohon kedua, isu timbul apabila perkahwinan pemohon pertama dan pemohon kedua telah diakadkan oleh wali yang tidak bertauliah. Persoalannya adakah perkahwinan itu dianggap sah atau tidak?. Bolehkan dianggap wali tidak wujud?. Mahkamah menolok permohonan deklarasi akan kesahihan status anak hasil perkahwinan pemohon pertama dan kedua, ini kerana ketiadaan wali di dalam akad nikah dilarang sama sekali kerana wali merupakan rukun kepada pernikahan. Walaupun wali atau wakil wali wujud dalam pernikahan ini, namun ia dianggap tidak wujud kerana syarat-syarat sempurna tidak dipenuhi dengan sempurna.

Di dalam kes *Ramli Abd Rahman v Marlia Akmar Ramli* ([2010] JH. Jld.30. Bhg.2), kes yang diputuskan di Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam pula isu timbul apabila Wali Mujbir enggan menjadi wali ke atas anak perempuan atas alasan tidak sekufu dengan calon suami, oleh itu, permohonan penggunaan Wali Raja telah dipohon bagi melangsungkan akad nikah. Meskipun kes ini bukanlah berkenaan langkau wali, keengganan Wali Mujbir yang ada menyebabkan permohonan Wali Raja dipohon. Kes ini adalah kes rayuan di atas keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang membenarkan permohonan anak perempuan pemohon yang memohon untuk berkahwin menggunakan Wali Raja seperti mana peruntukan Seksyen 13(b) dan Seksyen 18 (1)(c) Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor 2003. Mahkamah Rayuan memutuskan rayuan pemohon di tolak kerana pemohon tidak boleh mendatangkan bukti bahawa perkahwinan ini tidak sekufu'.

Dalam kes *Zainal Abidin Mohamed lwn Noraziah bt Mohd Nor* ([1997] JH. Jld.12. Bhg.1), Mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan pasangan ini fasid dan tidak sah. Fakta kesnya ialah Mohd Nor, wali kepada Noraziah telah mewakilkan akad nikah itu kepada anaknya Mohd Fauzi, akan tetapi Mohd Fauzi telah mewakilkan wali kepada Hj. Mokhtar untuk mengakadnikahkan perkahwinan di Primula Hotel. Sepatutnya Mohd Fauzi (wakil kepada Mohd Nor) menikahkah pasangan tersebut. Perwakilan Mohd Fauzi kepada Hj Mokhtar adalah tidak sah.

Di dalam kes , Mahkamah Tinggi Syariah, Seri Manjong Perak *Mohd Shahril Puteh lwn Siti Zaharah Che Tak* [2010] 1 CLJ, 251, mahkamah telah mendengar permohonan pengesahan perkahwinan poligami dan sijil perkahwinan menunjukkan perkahwinan diakad di Padang Besar, Perlis oleh seorang Wali Hakim dari Thailand. Isu yang timbul sama ada sijil dipalsukan atau sama ada suatu perkahwinan sindiket dan akibatnya ialah sama ada pernikahan ini sah atau tidak untuk didaftarkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004 Seksyen 9 dan Seksyen 23?. Isu berkaitan wali juga timbul apabila perkahwinan poligami ini menggunakan Wali Hakim,

Fakta kesnya, pasangan ini telah berkahwin di Padang Besar, Perlis menggunakan Wali Hakim dari Thailand. Isu yang timbul ialah sama ada Wali Hakim

berkuasa mengakadkan pernikahan, dan boleh didaftar di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004 Seksyen 9 dan Seksyen 23?. Mahkamah memutuskan pernikahan batal dan tak sah dan menolak pendaftaran, ini kerana terdapat penipuan dalam surat perakuan dan pengesahan nikah dan begitu juga terdapat satu sindiket di belakang pernikahan ini. Naib Kadi yang berkenaan, Abdul Samad bin Hj Abdul Rahman, tidak mempunyai kuasa ataupun tauliah untuk bertindak sebagai Wali Hakim atau Wali Am bagi mengakadkan pernikahan pasangan di sini dan akad nikah yang dibuat adalah bertentangan dengan Hukum Syarak. Begitu juga, beliau tidak mempunyai kapasiti atau keupayaan seorang wali untuk membolehkannya melafazkan Ijab dan rukun sighah bagi akad. Oleh kerana syarat di dalam rukun wali tidak dipenuhi, maka akad nikah di sini adalah tidak sempurna dan tidak sah di sisi Hukum Syarak.

Jika di teliti, isu wali adalah isu besar dalam suatu perkahwinan. Ia memberi kesan langsung kepada perkahwinan tersebut. Justeru ia perlu diambil berat oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin. Pada penelitian pengkaji, antara punca berlakunya perkara sedemikian adalah pengetahuan yang cetek dalam bidang agama. Kebanyakan pasangan yang terlibat tidak menyedari perbuatan tersebut amat bertentangan dengan hukum Islam.

Di samping itu percintaan yang membabi buta antara pasangan juga adalah faktor besar, kerana cinta, mereka sanggup membelakangkan keredaan ibu bapa. Suatu yang lebih malang apabila prosedur mahkamah tidak dipatuhi. Ada antara pasangan yang terus berkahwin lari tanpa pengetahuan ibu bapa. Mereka sepatutnya memohon restu dan kebenaran ibu bapa terlebih dahulu. Jika wujud keengganahan wali, maka ia akan menjadi isu lain yang akan menjadikan keadaan lebih mudah. Ada juga kes kahwin seperti ini berlaku bertujuan mengelakkan dari ia dapat di kesan. Ini biasanya berlaku dalam kes-kes poligami.

Sebagai kesimpulan, kebanyakan kes-kes langkau wali yang berlaku adalah berpunca dari sifat gopoh gapah pasangan yang ingin berkahwin dengan cara mudah. Mungkin mereka berfikir dengan berbuat demikian perkara utama iaitu perkahwinan boleh selesai. Sementara perkara-perkara yang lain akan di selesaikan kemudian. Namun hakikatnya, sebaliknya berlaku. Persoalan menjadi lebih rumit apabila perkahwinan di batalkan. Dan yang lebih parah ialah bagi pihak perempuan.

Justeru, pihak pasangan perempuan perlu sangat berhati-hati khususnya dalam persoalan wali. Pepatah Melayu ada menyebut ‘biar lambat asal selamat’ patut digunakan dalam konteks ini. Setiap wanita khususnya perlu cakna dalam soal hukum-hakam perkahwinan dan prosedur mahkamah. Ambil sedikit masa untuk memahaminya dengan baik untuk kebaikan di hari mendatang.

## RUJUKAN

Abdul Karim b. Ali b. Muhammad al-Namlah (1999) *al-Muhazzab Fi Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*. Riyadh: Maktabat al-Rushd.

Al-Bukhary, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah (1422H) *Sahih al-Bukhary*, tpt: Dar al-Tuq al-Najat.

Al-Kasany. ‘Alauddin Abu Bkr b Mas’ud. (1998) *Bada’ik al-Sana’ik Fi Tartib al-Syara’ik*. Beirut: Dar Ehyā’ al-Turath al-Araby

al-Maqdisy, Baha’uddin Abd. Al-Rahman b. Ibrahim (t.t) *al-‘Uddah Syarh hal-Umdah Fi Fiqh al-Imam al-Sunnah Ahmad bin Hanbal al-Syabany*. Cairo: Dar al-Fikr.

Al-Syafi’ie (1400H) *Musnad al-Syafi’ie*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbat (1997) *al-Fiqh al-Islamy wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr

CLJ Law Jurnal (2010) *Mohd Shahril Puteh lwn Siti Zaharah Che Tak* 1 CLJ, 251.

CLJ Law Jurnal (2010) *Re Mohd Fairus Othman & Anor* 1 CLJ (Sya),

Ibn Hibban (1988) *al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibn Humam. Kamaluddin Muhammad b Abdul Wahid al-Siwasy. (t.t) *Syarh Fath al-Qadir ‘ala al-Hidayah Syarh Bidayat al-Mubtady*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Mukram (1992) *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.

Ibn Rushd. Al-Faqih Abu Muhammad bin Ahmad bin Muhammad (1989) *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Jil.

Jurnal Hukum (1977) *Zainal Abidin Mohamed lwn Noraziah bt Mohd Nor*. Jilid 12. Bhg.1, hlm 91. JPM: Jabatan Kehakiman Malaysia.

Jurnal Hukum (1980) *Husin lwn Saayah dan Mat Hashim* Jilid 7. Bhg. 1, hlm. 35. JPM: Jabatan Kehakiman Malaysia.

Jurnal Hukum (2010) *Ramli Abd Rahman v Marlia Akmar Ramli*. Jilid 30. Bhg.2, hlm 199. JPM: Jabatan Kehakiman Malaysia.

Jurnal Hukum, (1977) *Hashim b. Mat Isa lwn Fatimah binti Ahmad* Jilid.3 bhg 1, hlm 106. JPM: Jabatan Kehakiman Malaysia.

*Kamus Dewan* edisi empat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Muslim, Muslim bin Hajah Abu al-Hasan al-Qusyairy (t.t) *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ehyā’ al-Turath al-Araby.

Mustafa al-Khind et al (2000) *al-Fiqh al-Manhajy ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafi’ie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Muti’ie, Muhammad Najib (t.t) *Kitab al-Majmuk Syarh al-Muhazzab*. Cairo: Maktabah al-Muti’ie.

Zaidan, Abdul Karim (1994) *al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslim Fi al-Syariah Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.